

# KEPENTINGAN MASJID DAN PERANANNYA TERHADAP DAKWAH ISLAMIAH DALAM KALANGAN MUALLAF DI MALAYSIA

Muhammad Yusuf Marlon Abdullah  
Fakulti Pengajian Dan Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa  
Mariam Abd Majid  
Fakulti Pengajian Dan Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa  
Nursyafiqah Binti Bokhari  
Pelajar Sarjana Muda Kolej Universiti Islam Antarabangsa

## ABSTRAK

Masjid bertanggungjawab untuk menganjurkan program yang melibatkan pelbagai anggota masyarakat termasuk muallaf khususnya dalam masalah pemantapan akidah golongan ini. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis hubungan program masjid dengan pemantapan akidah golongan muallaf. Di samping itu ingin mengenal pasti aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh masjid terhadap golongan muallaf yang tinggal di sekitarnya. Metodologi kajian adalah berbentuk kuantitatif yang menggunakan kaedah tinjauan terhadap 210 responden dalam kalangan muallaf yang tinggal di sekitar masjid. Soal selidik telah diedarkan menggunakan persampelan rawak mudah. Data yang diperoleh diproses dan dianalisis secara deskriptif dan inferensi dengan menggunakan perisian *Statistical Packages for Social Sciences* versi 21.0. Hasil dapatan kajian secara deskriptif menunjukkan bahawa penglibatan golongan muallaf dalam program masjid berada pada tahap tinggi (min=3.03), manakala tahap pemantapan akidah golongan muallaf berada pada tahap tinggi (min=3.31). The results of Pearson correlation analysis showed a significant relationship between program masjid ( $r = 0.689$ ,  $p < 0.01$ ) with pemantapan akidah Islam golongan muallaf ( $r = 0.765$ ,  $p < 0.01$ ) di Malaysia.

Kata Kunci: *Muallaf, Program, Masjid, Akidah*

## Pendahuluan

Peranan institusi masjid hari ini bukan sekadar menjadi tempat mendengar dan menadah ilmu dalam kerangka memantapkan akidah semata-mata tetapi juga medan pembangunan rohani dan peradaban semasa masyarakat. Ditinjau dari sudut perkembangan institusi masjid masa kini, terdapat lebih 5490 buah masjid di Malaysia sama ada dalam kedudukannya sebagai masjid negara, masjid negeri, masjid jamek daerah, masjid institusi, masjid kariah, masjid mukim ataupun surau Jumaat. Pihak masjid perlu membentuk program yang lebih bersifat positif dan meluas kepada golongan Muslim umumnya dan muallaf khususnya dalam memantapkan akidah dan kepercayaan seperti yang terkandung dalam ajaran Islam.

## Metodologi Kajian

Kajian ini adalah kajian yang berbentuk kuantitatif. Populasi dalam kajian ini adalah golongan muallaf yang tinggal berhampiran di sekitar masjid-masjid di bandar seperti Masjid Negeri Shah Alam, Masjid Wilayah, Masjid Negara dan lain-lain. Seramai 210 orang muallaf yang dipilih sebagai responden. Sampel kajian ialah sebahagian daripada populasi yang ciri-cirinya hendak diselidik dan dianggap mewakili keseluruhan populasi dan jumlahnya lebih sedikit daripada jumlah populasi atau sama dengan populasi. Penulis telah menggunakan persampelan rawak mudah untuk digunakan dalam proses mengedarkan soal selidik kepada golongan muallaf yang tinggal di sekitar masjid.

## Tinjauan Literatur

Kebanyakan kajian-kajian lepas lebih menumpukan kepada peranan masjid dalam aktiviti dakwah, pengurusan, pembangunan dan sebagainya. Antaranya ialah kajian Aziana binti Ariffin (2008) yang bertajuk "Peranan Masjid Dalam Pembentukan Peribadi: Suatu Kajian Di Daerah Gombak". Kajian beliau memfokuskan mengenai peranan masjid dalam pembentukan peribadi di kawasan Gombak, Selangor. Kajian ini juga melihat kepada peranan masjid sama ada berfungsi sebagai tempat pembentukan peribadi individu Muslim atau sebagai tempat ibadat semata-mata. Seterusnya, beliau turut menyentuh tentang tahap keberkesannya dalam pembentukan peribadi masyarakat di kawasan tersebut. Sebanyak tiga buah masjid dipilih untuk menjadi sampel kajian ini. Beliau hanya menyentuh secara umum tentang peranan yang perlu dimainkan oleh setiap ahli jawatankuasa masjid dalam membentuk peribadi Muslim.

Manakala Mahayudin bin Abu Bakar (2007) pula dalam disertasinya bertajuk "Aktiviti Dakwah Di Masjid-Masjid Di Bawah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM): Satu Penilaian", telah memberi tumpuan untuk melihat dan menilai sejauh mana pelaksanaan serta keberkesanan aktiviti dakwah di masjid-masjid di bawah kelolaan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Kajian meliputi struktur organisasi, misi, visi, objektif, matlamat pengurusan dan aktiviti-aktiviti seharian yang merangkumi fardhu ain dan fardhu kifayah. Hasil kajian menunjukkan tahap keberkesanan aktiviti dalam semua konteks yang diadakan di masjid. Kajian ini lebih melihat terhadap aspek aktiviti dakwah yang dijalankan di masjid-masjid terbabit.

Seterusnya, Munir bin Md Amin (2005) dalam kajiannya yang bertajuk "Program Dakwah Masjid Di Daerah Gombak: Suatu Kajian Tentang Keberkesannya", telah memfokuskan kepada kedudukan dan program masjid dalam Islam, seterusnya beliau menyentuh mengenai keberkesanan program dakwah di Masjid-Masjid Daerah Gombak. Dapatan kajian ini menunjukkan tahap keberkesanan program dakwah di masjid daerah Gombak. Kajian ini hanya memfokuskan kepada program dakwah sahaja, sedangkan pengkaji ingin membawa suatu kajian yang menilai masjid sebagai *one stop centres* di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Kajian beliau lebih mengkhususkan kepada aktiviti yang dilaksanakan di masjid berkenaan yang dikategorikan sebagai program yang berbentuk dakwah.

Mohd Ismail bin Mustari et. al. (2009) dalam kertas kerjanya yang bertajuk "Masjid Sebagai Jantung Ummah". Kajian ini memberi tumpuan bahawa masjid

bagaikan jantung ummah sebagai satu gambaran bagi menjelaskan betapa besarnya peranan masjid di dalam membangunkan institusi ummah. Bila peranan masjid tidak dimaksimumkan ia akan membawa kesan kepada ekosistem pembangunan kerohanian ummah. Segala permasalahan yang berlaku hari ini dalam kalangan masyarakat Islam sangat berkait rapat dengan proses pengimarahkan masjid yang telah dilaksanakan. Kesedaran masyarakat terhadap peranan masjid yang perlu dibugarkan. Kertas kerja ini akan mengemukakan pandangan al-Quran, al-Hadis, pandangan sahabat-sahabat Rasulullah SAW dan sarjana Islam dalam menghuraikan peranan masjid dan kesannya apabila tanggungjawab ini diabaikan.

## Demografi Responden

Demografi responden penduduk sekitar masjid beberapa tempat di Malaysia yang dimaksudkan dalam kajian ini terdiri daripada jantina, agama asal, umur, status perkahwinan dan kelulusan akademik. Demografi responden adalah penting untuk mengetahui beberapa maklumat penting berhubung dengan kajian.

### Jantina

Dari segi jantina, hasil kajian menunjukkan sebahagian besar responden penduduk sekitar masjid terdiri daripada lelaki iaitu sebanyak 51.4%. Manakala jumlah responden perempuan penduduk sekitar masjid sebanyak 48.6%. Ini menunjukkan responden lelaki penduduk sekitar masjid merupakan majoriti dalam hasil kajian iaitu berjumlah 108 orang daripada 210 orang responden penduduk yang tinggal di sekitar masjid. Dalam kajian ini, responden lelaki lebih memberi kerjasama dalam memberi pandangan mereka terhadap program masjid berbanding dengan responden perempuan (Jadual 1).

Jadual 1 Taburan jantina responden penduduk sekitar masjid

Kategori responden	jantina	Kekerapan (F)	Peratus (%)
Lelaki		108	51.4%
Perempuan		102	48.6%
Jumlah		210	100%

Sumber: Soal Selidik, 2015

### Agama Asal

Dari segi kategori agama asal, hasil kajian menunjukkan Hindu mendahului bilangan muallaf dalam kajian ini. Seramai 123 orang (58.6%) mewakili agama Hindu. Diikuti agama-agama lain seperti agama Buddha 63 orang (30%), agama kristian 21 orang (10%), dan lain-lain agama 3 orang (1.4%). Hasil kajian menunjukkan bilangan penduduk muallaf paling ramai yang berada di sekitar masjid ialah golongan yang berasal daripada agama Hindu. Manakala agama asal yang paling sedikit bilangannya ialah lain-lain agama iaitu tiada agama (Jadual 2).

Jadual 2 Taburan agama asal responden penduduk sekitar masjid

Kategori responden	agama	Kekerapan (F)	Peratus (%)
	Hindu	123	58.6
	Budhha	63	30
	Kristian	21	10
	Lain-lain	3	31.4
	Jumlah	210	100

Sumber: Soal selidik, 2015

## Umur

Maklumat mengenai umur responden yang tinggal di sekitar masjid dipaparkan dalam Jadual 3. Umur responden dikategorikan kepada empat peringkat iaitu 21 tahun ke bawah, 22-30 tahun, 31-45 tahun dan 46 tahun ke atas. Hasil kajian menunjukkan daripada jumlah 210 responden, paling banyak ditunjukkan oleh responden yang berada dalam kumpulan umur 21 tahun ke bawah iaitu sebanyak 32.9% (69 orang) diikuti dengan kumpulan 31-45 tahun iaitu sebanyak 31.4% (66 orang). Manakala responden yang paling kecil bilangannya ialah kumpulan 46 tahun ke atas iaitu sebanyak 14.3% (30 orang) dan diikuti dengan kumpulan 22-30 tahun sebanyak 21.4% (45 orang). Kajian menunjukkan responden kumpulan 21 tahun ke atas paling ramai yang terdapat di sekitar masjid. Manakala yang paling sedikit ialah dalam kumpulan 46 tahun ke atas (Jadual 3).

Jadual 3 Taburan umur responden

Kategori responden	umur	Kekerapan (F)	Peratus (%)
	21 tahun ke bawah	69	32.9
	22-30 tahun	45	21.4
	31-45 tahun	66	31.4
	46 tahun ke atas	30	14.3
	Jumlah	210	100

Sumber: Soal Selidik, 2015

## Status Perkahwinan

Hasil kajian, Jadual 4 menunjukkan majoriti daripada responden adalah bujang iaitu sebanyak 108 orang responden (51.4%), dan diikuti dengan seramai 99 orang responden (47.1%) sudah berkahwin dan 3 orang responden (1.4%) adalah duda/janda. Jika dilihat kepada taburan satatus perkahwinan responden, perbezaan status perkahwinan antara bujang dan berkahwin tidak mempunyai jurang yang jauh kerana sekitar masjid bukan sahaja merupakan penduduk yang berkeluarga tetapi juga terdapat golongan bujang yang bekerja di sekitar masjid dan menetap di kawasan yang sama (Jadual 4).

Jadual 4 Taburan status perkahwinan responden

<b>Kategori</b>	<b>status</b>	<b>Kekerapan (F)</b>	<b>Peratus (%)</b>
<b>perkahwinan responden</b>			
Bujang		108	51.4
Berkahwin		99	47.1
Duda/Janda		3	1.4
Jumlah		210	100

Sumber: Soal Selidik, 2015

## Kelulusan Akademik

Hasil kajian berkaitan kelulusan akademik menerusi gambaran dalam Jadual 5, responden didapati tahap-tahap kelulusan akademik yang berbeza. Majoriti responden iaitu sebanyak 111 orang responden (52.9%) berkelulusan diploma/ijazah, diikuti 69 orang responden (32.9%) berkelulusan SPM/PMR, manakala 27 orang responden (12.9%) mempunyai kelulusan lain yang di kategorikan dalam kelulusan UPSR, tidak mempunyai pendidikan dan tiga orang responden (1.4%) memiliki master/PhD. Ini bererti kebanyakan responden yang tinggal di sekitar masjid tersebut kebanyakannya mempunyai pendidikan. Untuk melihat gambaran yang lebih jelas berkaitan pembahagian kategori kelulusan akademik mengikut agama boleh dirujuk pada Jadual 5.

Jadual 5 Taburan kelulusan akademik responden

<b>Kategori</b>	<b>kelulusan</b>	<b>Kekerapan (F)</b>	<b>Peratus (%)</b>
<b>akademik responden</b>			
Master/PhD		3	1.4
Diploma/Degree		111	52.9
SPM/PMR		69	32.9
Lain-lain		27	12.9
Jumlah		210	100

Sumber: Soal Selidik, 2015

## Persepsi Muallaf Terhadap Program Masjid

Persepsi muallaf yang dimaksudkan dalam penyelidikan ini terbahagi kepada tiga kategori, antaranya ialah program masjid, keprihatinan masjid terhadap muallaf dan persepsi muallaf terhadap masjid. Bagi penentuan parameter tahap pengukuran min terhadap cabaran tersebut dijelaskan seperti dalam jadual 6.

Jadual 6 Interpretasi skor min bagi dapatan deskriptif statistik

<b>Skor min</b>	<b>Interpretasi</b>
1.00-2.00	Rendah
2.01-3.00	Sederhana
3.01-4.00	Tinggi
4.01-5.00	Sangat tinggi

Sumber: Azhar Ahmad, 2006

## Program Masjid Terhadap Muallaf

Hasil kajian seperti yang terdapat dalam Jadual 7 menunjukkan bahawa setiap item dalam persepsi program masjid terhadap muallaf berada pada tahap sederhana dan tinggi. Item yang mempunyai min yang paling tinggi ialah bantuan perubatan percuma disediakan kepada golongan muallaf (min = 3.41 dan sp = 1.13) berada pada tahap tinggi. Dari segi kekerapan dan peratusan menunjukkan bahawa seramai 108 orang (51.4%) muallaf menyatakan setuju, seramai 39 orang (18.6%) muallaf menyatakan sangat setuju, seramai 39 orang (18.6%) muallaf menyatakan tidak pasti, manakala seramai 18 orang (8.6%) tidak setuju dan 6 orang responden (2.9%) menyatakan sangat tidak setuju terhadap item yang ditanyakan.

Seterusnya bagi item yang mempunyai min yang paling rendah ialah Saya dijemput pihak masjid untuk memeriahkan aktiviti sukan yang dianjurkan (min = 2.57 dan sp = 0.98) berada pada tahap sederhana. Dari segi kekerapan dan peratusan menunjukkan bahawa seramai 81 orang (38.6%) muallaf menyatakan tidak pasti, seramai 75 orang (35.7%) responden tidak setuju, 27 orang responden (12.9%) sangat tidak setuju, 15 orang responden (7.1%) menyatakan setuju manakala seramai 12 orang responden (5.7%) menyatakan sangat setuju. Secara keseluruhannya menunjukkan bahawa penglibatan golongan muallaf terhadap program anjuran masjid berada pada tahap tinggi (min = 3.03 dan sp = 1.01).

Jadual 7 Taburan program masjid terhadap golongan muallaf

O	RA	PERKA	T				S	in	P	Inte
			TS	S	P	(%)				
			F (%)	(%)	F (%)	(%)	(%)			pretasi
		Pihak								Tinggi
		masjid melibatkan golongan muallaf dengan aktiviti kemasyarakatan	2(5.7%)	9(18.6%)	9(47.1%)	7(12.9%)	3(15.7%)	.14	.83	
		Aktiviti masjid menarik minat saya untuk mengenali Islam	(10.0%)	4(25.7%)	9(18.6%)	4(40.0%)	2(5.7%)	.06	.13	Tin
		Saya dijemput pihak masjid untuk menghadiri jamuan hari raya	1(10.0%)	5(21.4%)	6(31.4%)	6(17.1%)	2(20.0%)	.16	.98	Tinggi
		Saya dijemput pihak masjid untuk memeriahkan karnival yang dianjurkan	8(8.6%)	1(38.6%)	7(27.1%)	2(20.0%)	2(5.7%)	.76	.27	Sederhana

	Saya dijemput pihak masjid untuk memeriahkan aktiviti sukan yang dianjurkan	7(12.9%)	5(35.7%)	1(38.6%)	5(7.1%)	2(5.7%)	.57	.98	Sederhana
	Pihak masjid menyediakan kelas-kelas agama untuk muallaf	6(17.1%)	9(18.6%)	0(42.9%)	3(15.7%)	2(5.7%)	.74	.93	Sederhana
	Khidmat kaunseling diberikan kepada muallaf secara percuma	2(5.7%)	0(14.3%)	0(50.0%)	2(20.0%)	1(10.0%)	.14	.88	Tinggi
	Pihak masjid menggalakan kunjungan saya ke program yang disediakan.	(4.3%)	2(20.0%)	3(30.0%)	4(40.0%)	2(5.7%)	.23	.11	Tinggi
	Saya menerima bantuan perubatan percuma disediakan kepada golongan muallaf	(2.9%)	8(8.6%)	9(18.6%)	0(51.4%)	9(18.6%)	.41	.13	Tinggi
0	Pihak masjid membenarkan saya menggunakan kemudahan yang disediakan seperti wifi dan perpustakaan.	7(12.9%)	8(8.6%)	0(42.9%)	4(25.7%)	1(10.0%)	.11	.81	Tinggi
	<b>Keseluruhan</b>						<b>.03</b>	<b>.01</b>	<b>Tinggi</b>

Sumber: Soal selidik 2015

### Keperihatinan Masjid Terhadap Akidah Golongan Muallaf

Hasil kajian terhadap keperihatinan masjid terhadap akidah golongan muallaf mendapati bahawa terdapat dua item pembolehubah yang mendapat skor tertinggi secara keseluruhan daripada 10 item pembolehubah yang ditanyakan kepada golongan muallaf yang tinggal di sekitar masjid. Antara item tersebut ialah item 8

“Guru saya mempunyai pengetahuan yang luas dalam ilmu akidah Islam” (min= 3.92) dan item 7 “Guru mengaitkan pengajaran akidah dalam kehidupan saya sebagai muallaf” (min=3.89). Kedua-dua pembolehubah ini merupakan antara item yang mendapat skor yang tertinggi di antara keseluruhan pembolehubah yang ditanyakan kepada responden. Secara puratanya, responden yang menjawab ‘setuju’ bagi item 8 mendapat sebanyak 138 orang responden (65.7%) manakala item 7 sebanyak 147 orang responden (70.0%). Perkara ini dibuktikan melalui dapatan kajian seperti dalam Jadual 8.

Jadual 8 Taburan keprihatinan masjid terhadap akidah golongan muallaf

O	RA	PERKA	TS	S	T	P	S	in	P	Inte
			F (%)	(%)	F	F(%)	(%)	(%)		pretasi
		Saya			4					Tinggi
		rasa aktiviti keagamaan di masjid berguna untuk diri saya	1(1.4%)	5(21.4%)	0(28.6%)	8(37.1%)	4(11.4%)	.36	.99	
		Saya			2					Tin
		boleh merasakan perubahan tingkahlaku apabila mempelajari akidah di masjid	1(10.0%)	1(10.0%)	0(14.6%)	05(50.0%)	3(15.7%)	.51	.17	ggi
		Pelajar			ε					Sederhan
		an akidah di masjid memantapkan keimanan saya kepada Allah	7(12.9%)	1(38.6%)	9(18.6%)	8(22.9%)	5(7.1%)	.73	.16	a
		Masjid			ξ					Tinggi
		menyediakan alat bantu mengajar ketika guru mengajar tentang akidah kepada golongan muallaf	0(14.3%)	0(14.3%)	6(17.1%)	1(38.6%)	3(15.7%)	.27	.29	
		Saya			ϵ					Tinggi
		suka bertanya kepada guru tentang perkara yang berkaitan akidah	4(11.4%)	(2.9%)	4(25.7%)	6(45.7%)	0(14.3%)	.49	.13	
		Guru			1					Tinggi
		berjaya membangkitkan minat saya terhadap pelajaran akidah	8(8.6%)	5(7.1%)	02(48.6%)	4(25.7%)	1(10.0%)	.21	.02	



	Guru mengaitkan pengajaran akidah dalam kehidupan saya sebagai muallaf	(2.9%)	5(7.1%)	<sup>1</sup> (4.3%)	47(70.0%)	3(15.7%)	.89	86	Tinggi
	Guru saya mempunyai pengetahuan yang luas dalam ilmu akidah Islam	(1.4%)	5(7.1%)	<sup>1</sup> 5(7.1%)	38(65.7%)	9(18.6%)	.92	82	Tinggi
	Guru saya mengaitkan dengan isu semasa berkaitan masalah muallaf ketika mengajar pelajaran akidah	2(20.0%)	0(28.6%)	<sup>€</sup> 2(34.3%)	0(14.3%)	(2.9%)	.51	.05	Sederhana
0	Guru saya telah dapat meningkatkan kefahaman saya tentang akidah Islam	1(10.0%)	1(10.0%)	<sup>2</sup> 9(32.9%)	7(41.4%)	2(5.7%)	.22	.05	Tinggi
	<b>Keseluruhan</b>						<b>.31</b>	<b>.05</b>	<b>Tinggi</b>

Sumber: Soal selidik 2015

### Hubungan Program Masjid Dengan Pemantapan Akidah Islam Dalam Kalangan Muallaf Di Malaysia

Analisis korelasi Pearson dijalankan bagi mengenal pasti hubungan program masjid dengan pemantapan akidah Islam dalam kalangan muallaf di Malaysia. Hasil analisis korelasi Pearson seperti Jadual 9 berikut:

Jadual 9 Korelasi Pearson hubungan program masjid dengan pemantapan akidah Islam dalam kalangan muallaf

Hubungan	Program masjid		Interpretasi
	r	Sig.	
Program masjid	0.689	0.000	Sederhana
Pemantapan akidah Islam	0.765	0.000	Sederhana

Jadual 9 menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara program masjid dengan pemantapan akidah Islam dalam kalangan muallaf dengan nilai  $r = 0.689$  dan  $\text{sig} = 0.000$  ( $p < 0.01$ ). Kekuatan hubungan ialah positif sederhana. Seterusnya terdapat hubungan yang signifikan antara program masjid dengan tahap

pemantapan akidah Islam dengan nilai  $r = 0.765$  dan  $\text{sig} = 0.000$  ( $p < 0.01$ ). Kekuatan hubungan juga berada pada tahap positif sederhana. Ini menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara program masjid dengan pemantapan akidah Islam dalam kalangan muallaf di Malaysia.

## Perbincangan

Keputusan kajian ini menunjukkan terdapatnya hubungan yang signifikan antara program masjid dengan pemantapan akidah Islam dalam kalangan muallaf ( $r = 0.689$ ,  $p < 0.01$ ), manakala dapatan deskriptif nilai min keseluruhan program masjid yang melibatkan muallaf yang tinggal di sekitarnya secara keseluruhan adalah (3.01). Ini menunjukkan penglibatan muallaf terhadap program masjid adalah tinggi. Dapatan kajian ini secara khususnya mendapati golongan muallaf tinggi dari sudut penglibatan terhadap program masjid yang diadakan khususnya item 9 iaitu Bantuan perubatan percuma disediakan kepada golongan muallaf dan item 8 iaitu Pihak masjid menggalakan kunjungan saya ke program yang disediakan.

Dapatan ini juga menyokong dapatan kajian yang telah dibuat oleh Nur A'thiroh Masyaa'il Tan Abdullah (2013) yang mengkaji tentang kesesuaian tempat penganjuran program bagi golongan muallaf. Dalam dapatan kajian tersebut, seramai 123 orang responden daripada 265 orang muallaf bersetuju dengan lokasi penganjuran program muallaf yang mana dapat menarik minat mereka. Bahkan seramai 46.4% dalam kalangan responden bersetuju dan mengatakan tempat penganjuran program dapat meningkatkan tumpuan mereka kepada aktiviti-aktiviti program yang diadakan.

Begitu juga dengan kajian yang dilakukan oleh Zulfadhli Zafik (2012) yang mengkaji tentang bimbingan dan kaunseling Islam terhadap muallaf menyarankan perkhidmatan diberikan kepada golongan ini seperti memberikan bimbingan dan kaunseling Islam, pendidikan asas agama Islam, menjaga kebajikan dan menghulurkan bantuan kewangan kepada mereka.

Manakala kajian yang dilakukan oleh Fariza Md Sham et. al. (2014), menjelaskan bahawa membina sikap ingin maju dalam hidup adalah dengan tahu membaca. Justeru itu, program masjid sangat perlu dalam pemantapan akidah Islam terhadap golongan muallaf kerana mereka baru sahaja mengenali agama Islam.

Manakala dari sudut tahap pemantapan akidah golongan muallaf keputusan kajian ini menunjukkan terdapatnya hubungan signifikan antara penglibatan muallaf terhadap program masjid dengan pemantapan akidah Islam golongan muallaf dengan nilai ( $r = 0.765$ ,  $p < 0.01$ ). Manakala dapatan deskriptif nilai min keseluruhan penglibatan adalah (3.31). Ini menunjukkan bahawa pemantapan akidah Islam golongan muallaf menerusi program masjid di Malaysia adalah tinggi.

Dapatan kajian ini mendapati program pemantapan akidah Islam dalam kalangan muallaf adalah tinggi khususnya dalam 'Guru saya mempunyai pengetahuan yang luas dalam ilmu akidah Islam' dan 'Guru mengaitkan pengajaran akidah dalam kehidupan saya sebagai muallaf'. Kedua-dua item ini sangat penting diberikan penekanan lebih-lebih lagi dalam pemantapan akidah Islam golongan muallaf. Kenyataan ini bersesuaian dengan dapatan kajian yang dilaporkan oleh James Laeng and Yusman Nawazir (2014) dalam kajian mereka yang bertajuk Mendepani Cabaran Tarbiah Non-Government Organization dan Kebajikan Muallaf. Hasil kajian menjelaskan bahawa mana-mana organisasi atau individu yang berminat dalam pembangunan muallaf hendaklah memberikan penekanan dalam pemantapan

akidah Islam, kerohanian, kebajikan sosial, program berkelompok dan termasuklah pembangunan ekonomi.

## Penutup

Kajian dijalankan bagi menentukan hubungan program masjid dengan pemantapan akidah Islam dalam kalangan muallaf di Malaysia yang tinggal disekitarnya. Secara keseluruhan, kajian ini telah memberi gambaran awal tentang kekuatan program masjid dan hubungannya dengan pemantapan akidah golongan muallaf. Masjid berperanan untuk membimbing golongan muallaf ini demi memelihara akidah Islam mereka dan menjadikan mereka sebagai Muslim yang berkualiti dan bukannya Muslim atas nama sahaja. Menanamkan akidah Islam yang benar kepada diri mereka mengakibatkan mereka jauh daripada anasir fahaman sesat dan ajaran yang menyimpang daripada landasan agama Islam sebenar. Kegagalan merancang dan menyusun program boleh mengakibatkan peningkatan bilangan muallaf terabai dan akan meninggalkan Islam sebagai pegangan hidupnya.

## Rujukan

- Aziana Ariffin. 2008. *Peranan Masjid Dalam Pembentukan Peribadi: Suatu Kajian Di Daerah Gombak*. Disertasi Ijazah Sarjana Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Kuala Lumpur.
- Fariza Md Sham et. al. 2014. Peningkatan Kualiti Hidup Muallaf Orang Asli. Dlm. Siti Rugayah Tibek et.al. (pnyt). *Pembangunan Dakwah Muallaf*. Bangi: UKM.
- James Laeng & Yusman Nawazir. 2014. Mendepani Cabaran Tarbiah Non-Government Organization dan Kebajikan Muallaf. Dlm. Siti Rugayah Tibek et.al. (pnyt). *Pembangunan Dakwah Muallaf*. Bangi: UKM.
- Mahayudin Abu Bakar. 2007. *Aktiviti Dakwah di Masjid-Masjid di Bawah, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM): Satu Penilaian*. Disertasi Ijazah Sarjana Akademi Pengajian Islam. Universiti Malaya. Kuala Lumpur.
- Mohd Ismail Mustari et.al. 2009. *Masjid Sebagai Jantung Ummah. Koleksi kertas prosiding Seminar Pengurusan Masjid Peringkat ASEAN di EDC Hotel, Sintok, Kedah. 23-25 Julai 2009*.
- Munir Md. Amin. 2005. *Program Dakwah Masjid Di Daerah Gombak: Suatu Kajian Tentang Keberkesanannya*. Disertasi Ijazah Sarjana Akademi Pengajian Islam. Universiti Malaya. Kuala Lumpur.
- Nur A'thiroh Masyaa'il Tan Abdullah@Tan Ai Pao. 2013. Program Dakwah Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia Kepada Saudara Muslim: Kajian Tentang Persepsi Dan Keberkesanannya. Tesis Doktor Falsafah Jabatan Dakwah Dan Pembangunan Insan Universiti Malaya.
- Zulfadhli Zafik. 2012. *Pelaksanaan Bimbingan dan Kaunseling Islam Dalam Meningkatkan Keyakinan Beragama Dalam Kalangan Muallaf*. Riau: UIN SUSKA.